

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3

Negara perlu 45% pekerja berkemahiran tinggi

Negara perlu 45% pekerja berkemahiran tinggi

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 45 peratus pekerja berkemahiran tinggi sekiranya mahu bersaing dengan negara-negara terkemuka dunia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ini kerana berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, peratusan pekerja berkemahiran tinggi di Malaysia hanya mewakili 29.6 peratus.

Justeru kata beliau, amat penting merancakkan semula ekosistem teknologi dan inovasi bukan sahaja menerusi bekalan bakat berterusan, tetapi juga berusaha mengurangkan brain drain di dalam kalangan bakat-bakat hebat tempatan.

"Bagi merealisasikan hasrat ini, kerajaan komited menyediakan infrastruktur terbaik untuk memacu inovasi tempatan.

"Apa yang diperlukan sudah pasti sebuah lokasi sebagai hab inovasi dengan infrastruktur yang bersepadu."

"Ini bermakna negara memerlukan sebuah taman teknologi yang menjadi titik pertemuan pemegang taruh antaranya inovator, penyelidik dan pelabur bagi mengukuhkan ekosistem



ISMAIL Sabri Yaakob melawat pameran dalam Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman Mranti dan Penjenamaan Baharu Mimos Bhd. di Mranti Park Bukit Jalil, semalam. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

STI, selain mampu menarik pelaburan langsung asing dan domestik bagi memacu ekonomi negara demi kesejahteraan Keluarga Malaysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Pelancaran Pelan Induk Taman Malaysian Research Accelerator For Technology And Innovation (Mranti)

dan Penjenamaan Baharu Miro Berhad di Mranti Park, Bukit Jalil, dekat sini, semalam.

Menurut Perdana Menteri, sehubungan itu kerajaan meluluskan sebanyak 99 projek dan program penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, dan inovasi bernilai RM5.6 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-

12 (RMK12) bagi menyokong usaha-usaha pembangunan sektor inovasi.

Katanya, melalui National Technology and Innovation Sandbox (NTIS), sebanyak 163 syarikat telah diluluskan dan menerima sokongan pembiayaan sebanyak RM67 juta, bantuan kawal selia, teknikal dan kepakaran.